

Rasakan Diri Penting



K

ita telah menyentuh pelbagai ciri dan peribadi hamba yang perlu dibangunkan untuk menjadi VIP dan kesayangan Allah. Terlalu banyak. Mustahil andai diri masih berkata tidak mampu dan mahu menjadi yang terbaik dan dicintai Allah.

Setiap kebaikan meskipun hal yang kecil tetap dinilai tinggi oleh-Nya. Maka apa lagi alasan kita? Marilah sematkan dalam hati, kita mesti menjadi yang terpilih itu. Kenapa, perlukah mewajibkan diri sebegitu?

Ya, perlu. Jika bukan kita, siapa lagi? Kita sendiri yang beroleh amanah daripada Allah. Kitalah pekerja Allah dan Dia majikan seumur kehidupan ini. Jangan pernah berhenti menjadi pekerja Allah.

Tanamkan niat untuk menyubur tindakan. Kerana niat ibarat benih yang

kosong namun berpengaruh. Bila sudah berniat baik, insya-Allah kita akan didorong ke arah kebaikan.

Rasakan Diri Penting

Untuk menjadi VIP Allah, bangunkan kemampuan diri masing-masing. Pepatah hari ini lebih baik daripada semalam perlu menjadi *tagline* setiap Mukmin. Semak jawapan berikut mengapa kita sendiri yang perlu merasakan dan menjadikan diri penting, bukan orang lain.

1 KITA KHALIFAH

Jawatan dan pengiktirafan sebagai khalifah yang dimandatkan kepada manusia bukan milik orang kaya dan bukan juga untuk ustaz-ustaz sahaja. Tidak sama sekali.

Kita beroleh jawatan yang sama. Peranan juga sama. Kitalah yang terpilih dan bertanggungjawab memakmurkan bumi dengan amar makruf dan nahi mungkar. Lakukanlah ia dengan pelan tindakan daripada al-Quran dan sunnah.

2 MENJADI SEBAIK-BAIK CIPTAAN

Meski malaikat menjadi antara ciptaan Allah yang suci penciptaannya kerana hidup yang penuh ketaatan tanpa dosa, namun manusia tetap makhluk sebaik-baik ciptaan.

Subhanallah. Sungguh Dia Maha Mengetahui atas setiap yang dikehendaki. Berbuatlah sesuatu yang membuktikan kita benar-benar bersyukur.

3 KURNIAAN AKAL

Alhamdulillah. Inilah keistimewaan kita. Dengan bimbingan akal, kita mampu berfikir tentang keagungan Tuhan dan keperluan hamba untuk mengagungkan Tuhannya.

Manusia menjadi mulia tatkala akal memandu dirinya, saat gelodak hawa nafsu mampu diurus sebaiknya.

4 SYURGA ASAL KITA

Kita memang dilahirkan di bandar atau di kampung. Namun asal kita sebenarnya adalah di syurga! Ibu bapa kita; Adam dan Hawa bermula di syurga. Pemula kehidupan kita sudah di sana.

Jadi, jika benar-benar mencintai dan merindui, maka wajarlah untuk terus menjadi yang terbaik. Syurga itu kemestian yang perlu diburu oleh setiap Mukmin.

Membina Peranan Hidup

Nah, katakan kepada diri; "Kitalah yang wajar menjadi VIP." Itu

sahaja pilihan terbaik. Oleh sebab kehidupan di dunia ini hanya sekali, bersegera dan berebut-rebutlah dengan penambahbaikan diri dan kebaikan.

Kita harus berperanan kerana Allah sudah menegaskan dalam surah al-Mulk ayat 2 secara mafhumnya: "Yang dipandang bukan sesiapa yang banyak amalannya, sebaliknya yang paling cantik amalannya!"

Binalah peranan dalam hidup kerana itulah peranan hidup. Katakan pada diri: "Kitalah individu yang penting untuk Islam!"

Kita perlu membangun dan menggerakkan potensi kebaikan dalam daerah masing-masing. Rasakan meski kita tidak menjadi orang penting dalam sesebuah organisasi atau persatuan, namun kita tetap menjadi hamba terpenting kepada Dia dan untuk Islam.

Melihat Rasulullah

Syeikh Yusuf Hamzah dalam program Global Tawbah baru-baru ini menegaskan bahawa manusia sangat bertuah kerana Allah menghadirkan Rasulullah sebagai manual kehidupan.

Jelas beliau, satu kerugian apabila manual yang ada tidak diteladani sebaiknya. Jadilah kita yang merugikan diri sendiri.

Lihatlah Rasulullah. Baginda sentiasa menjadikan sesiapa sahaja di sisi Baginda sebagai orang yang penting. Kesemua mereka mendapat layanan yang sama rata dan terbaik. Baginda merasakan dirinya penting untuk setiap orang lain. Begitu lah kita. Berbuatlah kebaikan kepada sesiapa tanpa bertujuan untuk meraih kepentingan.

Sama-sama berusaha menghidupkan peribadi Rasulullah dalam diri. Benarlah firman-Nya: "Jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku (Nabi s.a.w.). Nescaya Allah akan mengasihi dan mengampunkan dosa-dosamu." (Surah ali Imran 3: 31) Q



WAN NOR ZADILAH
WAN MOHAMAD

B.A. Bahasa Arab &
Komunikasi, Universiti
Sains Islam Malaysia

www.facebook.com/WardahSafiah

zaidilah@telagabiru.com.my

DOA

MEMOHON KECINTAAN
ALLAH

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ حُبَّكَ وَحُبَّ
مَنْ يُحِبُّكَ وَالْعَمَلَ الَّذِي يُبَلِّغُنِي
حُبَّكَ اللَّهُمَّ اجْعَلْ حُبَّكَ أَحَبَّ
إِلَيَّ مِنْ نَفْسِي وَمَالِي وَأَهْلِي وَمَنْ
الْمَاءِ الْبَارِدِ.

MAKSUDNYA:

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu akan kecintaan-Mu, kecintaan orang yang mencintai-Mu dan kecintaan amalan yang membawaku sampai kepada kecintaan-Mu. Ya Allah, jadikanlah cinta kepada-Mu sesuatu yang aku cintai lebih daripada diriku, hartaku, keluargaku dan air yang dingin."

(Riwayat al-Tirmidzi)

TARGET VIP

Berasa diri penting
lebih penting
daripada meraih
kepentingan